

TEKS UCAPAN
YBHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

12 MAC 2019

SEMPENA
PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KORPORAT (CSR)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) DAN PERSATUAN
SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA (PSKLM)
DENGAN KERJASAMA BESRAYA SDN BHD :
PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA
PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA

YBRS. TUAN HJ. HUSSIN BIN AWANG NGAH
PRESIDEN PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA

YBRS. IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YBRS. PUAN ZURAIDA BINTI SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

YBRS. EN. SAZALLY BIN SAIDI
YANG DIPERTUA PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI
LEBUHRAYA MALAYSIA

PN. WAN SALWANI BINTI WAN YUSOFF
KETUA PEGAWAI OPERASI, BESRAYA SDN BHD

PENGARAH-PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA,

KETUA-KETUA EKSEKUTIF SYARIKAT KONSESI,

WAKIL-WAKIL DARIPADA PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SELAMAT SEJAHTERA.

PENDAHULUAN

1. ALHAMDULILLAH SEGALA PUJI MILIK ALLAH SWT. SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SAW. BERSYUKUR KITA KE HADRAT ILLAHI KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA, KITA DIBERI RUANG DAN KESEMPATAN UNTUK BERSAMA-SAMA BERHIMPUN SEMPENA PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KORPORAT (CSR) LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) DAN PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA (PSKLM) DENGAN KERJASAMA BESRAYA SDN BHD BAGI PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA.

LATAR BELAKANG LLM

HADIRIN SEKALIAN,

2. LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) ADALAH SEBUAH BADAN BERKANUN DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA YANG TELAH DITUBUHKAN PADA 24 OKTOBER 1980. TUJUAN PENUBUHAN LLM SECARA DASARNYA ADALAH UNTUK MENYELIA DAN MELAKSANAKAN REKABENTUK PEMBINAAN, PENGAWALAN, PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN LEBUH RAYA – LEBUH RAYA BERTOL DI MALAYSIA.

3. SEBANYAK 22 SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA YANG MENGURUS 29 LEBUH RAYA YANG SEBAHAGIAN BESARNYA MENJALANKAN OPERASI DI LEMBAH KLANG. SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUH RAYA INI TELAH SEPAKAT MEMBENTUK PERSATUAN SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA PERSATUAN SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA (PSKLM) BAGI MEMUDAHKAN PELARASAN AKTIVITI-AKTIVITI UNTUK FAEDAH BERSAMA DAN JUGA MASYARAKAT.

OBJEKTIF PENGANJURAN PROGRAM CSR

4. SESUNGGUHNYA PENGANJURAN PROGRAM CSR SEPERTI INI MEMBUKTIKAN KEPRIHATINAN LLM, PSKLM DAN SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA TERHADAP USAHA-USAHA DALAM MEMBANTU DAN MERINGANKAN BEBAN KEPADA MASYARAKAT YANG MEMERLUKAN.

5. DISEBALIK KESIBUKAN DALAM PENGURUSAN DAN OPERASI LEBUH RAYA, KAMI SENTIASA MENGAMBIL BERAT DALAM PELAKSANAAN PROGRAM BERBENTUK CSR SEBAGAI AGENDA TETAP TAHUNAN LLM DAN PSKLM. PROGRAM CSR SEBEGINI DIWUJUDKAN ATAS DASAR UNTUK MEMBANTU DAN MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PELBAGAI PIHAK PENERIMA SAMADA PERSATUAN-PERSATUAN, INSTITUSI PENGAJIAN, SEKOLAH

MAHUPUN GOLONGAN YANG MEMERLUKAN DENGAN HARAPAN SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MEMBANTU MEREKA DALAM KEHIDUPAN HARIAN DAN PEMBELAJARAN. INGIN SAYA MAKLUMKAN BAHAWA SEPANJANG PELAKSANAAN CSR SELAMA 9 TAHUN BERMULA 2011, LLM TELAH MENYAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA PELBAGAI GOLONGAN PENERIMA ANTARANYA BANTUAN BANJIR KEPADA SEKOLAH DI KEDAH, BANTUAN RUMAH JAGAAN GOLONGAN KURANG UPAYA DI JOHOR, PROGRAM GOTONG-ROYONG PERKAMPUNGAN ORANG ASLI DAN TAMAN TASIK AWAM DI SELANGOR, BANTUAN KEPADA PESAKIT KANSER KANAK-KANAK HOSPITAL KUALA LUMPUR, BANTUAN MAKANAN KEPADA GELANDANGAN KUALA LUMPUR BERPUSAT DI PERTIWI SOUP KITCHEN, BANTUAN DI RUMAH JAGAAN WARGA EMAS DI SELANGOR DAN MELAKA, RUMAH JAGAAN ANAK YATIM DI PAHANG DAN NEGERI SEMBILAN SERTA KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH DI JOHOR DAN PERAK. DI SAMPING ITU, PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH ATAU *BACK TO SCHOOL* JUGA TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEBELUM INI ANTARANYA DI GAMBANG, KUANTAN, KULIM, KEDAH DAN BALING, PERAK.

SUMBANGAN PADA HARI INI

HADIRIN YANG DIHORMATI,

6. PADA HARI INI SEBANYAK RM24500 (DUA PULUH EMPAT RIBU LIMA RATUS) TELAH DIPERUNTUKAN BAGI MENJAYAKAN PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA PADA HARI INI. ANTARA BENTUK BARANGAN SUMBANGAN PADA HARI INI ADALAH :

- 30 BUAH KERUSI RODA YANG BERHARGA RM350 SEBUAH;
- 55 BATANG TONGKAT BAGI TUJUAN BANTUAN BERJALAN;
- 40 TIN SUSU NUTRI FIBRE DIABETIC; DAN
- 200 LAMPIN DEWASA

7. ADALAH DIHARAPKAN DENGAN SUMBANGAN INI, IANYA AKAN SEDIKIT SEBANYAK MEMBANTU AHLI-AHLI PERSATUAN DALAM MENJALANI KEHIDUPAN KHUSUSNYA AHLI-AHLI PERSATUAN YANG MEMERLUKAN BANTUAN SOKONGAN UNTUK PERGERAKAN DALAM AKTIVITI HARIAN MEREKA.

HARAPAN

8. AKHIR KATA, SAYA AMAT MENGGALAKKAN PROGRAM MURNI INI DITERUSKAN DI MASA –MASA AKAN DATANG. SAYA

JUGA AMAT YAKIN PROGRAM CSR SEBEGINI BERUPAYA MENJALIN PERHUBUNGAN ERAT DENGAN PELBAGAI PIHAK. SEKALI LAGI SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG. SUMBANGAN INI MERUPAKAN HASIL KEUNTUNGAN YANG DIPEROLEHI SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA DAN DIHARAP GOLONGAN MASYARAKAT DAPAT MERASAKAN NIKMAT KEBAIKANNYA BERSAMA.

SEKIAN TERIMA KASIH.